

**Kejayaan BN Wujudkan Perpaduan Antara Rakyat Punca Kepada Pembangunan -
Muhyiddin
Bernama
27 April, 2013**

PADANG BESAR, 27 April (Bernama) -- Kejayaan kerajaan Barisan Nasional (BN) mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia merupakan perkara utama yang membawa kepada pembangunan negara ini, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan perdana menteri berkata soal perpaduan sehingga tiada masalah antara kaum di negara ini bukanlah perkara biasa kerana banyak negara berhadapan dengan masalah perpaduan sehingga memberi kesan kepada pembangunan negara terbabit.

Katanya selain itu keamanan dan keselamatan turut diutamakan kerana ia menjadi tanggungjawab besar kerajaan BN sejak dulu.

"Jangan kita anggap ini perkara biasa. Ada negara yang merdeka lebih awal daripada Malaysia tetapi kerana masalah perpaduan dan pergolakan mereka gagal mencapai kemajuan yang diharapkan," katanya pada majlis pemimpin bersama rakyat di Medan Niaga Bukit Keteri di sini Sabtu.

Katanya rakyat perlu melihat apa yang dilaksanakan kerajaan BN hari ini dalam mengekalkan kemakmuran negara ini.

Muhyiddin berkata pembangkang menjanjikan macam-macam untuk meminta rakyat menukar kerajaan, sedangkan kerajaan BN yang ada sudah cukup baik untuk melaksanakan pelbagai program untuk rakyat.

"Kalau dah semua baik kenapa mesti ubah. Benda dah elok dan kita akan elokkan lagi...kalau nak ubah ini namanya menolak rezeki. Mereka cakap kena ubah sebab BN parti dah tua.

"Kalau bandingkan Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) dengan (Penasihat Parti Keadilan Rakyat) (Datuk Seri) Anwar Ibrahim siapa lagi tua. Bandingkan dengan Karpal Singh (Pengerusi DAP) siapa lagi tua. Bandingkan dengan Nik Aziz (Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat) siapa lagi tua. Datuk Najib lagi muda," katanya.

Beliau berkata pada pilihan raya umum 2008, pembangkang berjanji macam-macam terutama di Selangor tetapi selepas lima tahun sebahagian besar tidak dilaksanakan sehinggakan kerajaan negeri disaman banyak pihak.

Timbalan perdana menteri berkata PAS mengatakan mahu melaksanakan hukum hudud, tetapi jika difikirkan secara logik dengan hanya bertanding kira-kira 70 kerusi Parlimen daripada 222 keseluruhan kerusi mereka tidak akan dapat melaksanakannya kerana sentiasa mendapat bantahan DAP.

Muhyiddin berkata BN sentiasa meningkatkan kehidupan rakyat dan akan memastikan kehidupan rakyat Malaysia dalam tempoh lima tahun akan datang lebih baik daripada sekarang.

"Hari ini rakyat boleh saksikan sendiri. Dengan kegigihan pimpinan BN sejak dulu Malaysia dan Perlis menikmati banyak kemajuan dan pembangunan yang memberi manfaat kepada

semua," katanya.

Hadir sama adalah isteri Muhyiddin Puan Sri Noorainee Abdul Rahman, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Dr Md Isa Sabu serta calon BN bagi kerusi Parlimen Padang Besar dan lima kawasan Dewan Undangan Negeri bagi Parlimen itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945673>